

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS Releases New Policy Paper Calling for Robust Political Finance Transparency in Malaysia

Kuala Lumpur, 22 April 2025: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has today released its latest policy paper, ***Effective Reporting and Disclosure of Political Finance: Guidelines, Best Practices, Challenges, and Lessons for Malaysia***, which advocates for a transparent political financing system and outlines ways to achieve it. The paper aims to address longstanding transparency deficits and the growing public distrust surrounding political donations in the country.

Co-authored by Dr Fernando Casal Bértoa, Associate Professor in the School of Politics and International Relations at the University of Nottingham (United Kingdom) and Sri Murniati Yusuf, former Senior Director of Research at IDEAS, the paper presents international norms, global practices of transparency, key elements to consider in regulating political finance transparency and highlights the importance of clear and enforceable for bookkeeping, reporting, and public disclosure. Drawing on global best practices from countries like the UK, Latvia, and Canada, the paper highlights that transparency in political finance not only fosters public trust but also reduces political corruption, strengthens democratic accountability and party institutionalisation.

The report points out that although political parties and candidates in Malaysia are required to submit financial reports to the Registrar of Societies and the Election Commission, these reports remain unpublished and lack meaningful inspection. The paper suggests that since the government plans to enact a political financing law, these limitations should be addressed in the new legislation.

The paper recommends that for effective political finance reporting, government legislation should have the following elements. First, the legislation should require political parties and election candidates, at least, to keep records of all direct and indirect contributions received either from individuals or legal entities during the electoral campaign and outside it. Secondly, they should make clear the type of reporting, who should be making the reporting as well as when and how the reporting should take place. Finally, the legislation should make sure that financial reports are publicly available in “a coherent, comprehensive, and timely manner over an extended period of time” while striking a balance between a minimum level of disclosure and

respect for the privacy concerns of individuals. Section 5 of the paper outlines different ways of meeting these requirements.

“The paper responds to longstanding concerns that greater transparency could expose donors and opposition politicians to victimisation. By showcasing international examples of political finance disclosure that minimise such risks, it makes a compelling case that transparency, when properly designed, can actually serve as protection rather than a threat. It also emphasises the importance of an independent and capable regulator that engages consistently with stakeholders and enforces the rules fairly and impartially. I hope this publication serves as a valuable resource for policymakers working to build a practical and effective transparency framework for political finance in Malaysia,” said Aira Azhari, IDEAS CEO.

The publication is available for download on the [IDEAS website](#).

For media inquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

IDEAS Terbit Kertas Kerja Dasar Baharu, Seru Ketelusan Dana Politik yang Kukuh di Malaysia

Kuala Lumpur, 22 April 2025: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) hari ini telah menerbitkan kertas kerja dasar terbaharunya bertajuk ***Pelaporan dan Pendedahan Dana Politik yang Berkesan: Garis Panduan, Amalan Terbaik, Cabaran dan Pengajaran untuk Malaysia***, yang mendokong satu sistem pendanaan politik yang telus serta menggariskan cara-cara untuk mencapainya. Kertas kerja dasar ini bertujuan menangani defisit ketelusan yang berlarutan sejak sekian lama serta keyakinan awam yang semakin merosot terhadap sumbangan politik di negara ini.

Kertas kerja dasar ini ditulis bersama oleh Dr Fernando Casal Bértoa, Profesor Madya di Sekolah Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Nottingham (United Kingdom) dan Sri Murniati Yusuf, mantan Pengarah Kanan Penyelidikan di IDEAS. Ia membentangkan norma antarabangsa, amalan ketelusan global, elemen-elemen penting dalam mengawal selia ketelusan dana politik serta menekankan keperluan kepada garis panduan yang jelas dan boleh dikuatkuasakan dalam hal penyimpanan rekod, pelaporan dan pendedahan kepada umum. Dengan mengambil contoh amalan terbaik dari negara-negara seperti United Kingdom, Latvia dan Kanada, kertas kerja dasar ini menggariskan bahawa ketelusan dalam dana politik bukan sahaja membina kepercayaan awam bahkan mengurangkan rasuah politik, mengukuhkan kebertanggungjawaban demokrasi dan memperkukuh institusi parti politik.

Laporan ini turut menjelaskan bahawa walaupun parti politik dan calon pilihan raya di Malaysia dikehendaki mengemukakan laporan kewangan kepada Pendaftar Pertubuhan dan Suruhanjaya Pilihan Raya, laporan-laporan ini tidak diterbitkan dan tiada pemeriksaan yang bermakna. Kertas kerja dasar ini mencadangkan bahawa memandangkan kerajaan merancang untuk menggubal undang-undang pendanaan politik, kekangan ini perlu ditangani dalam undang-undang yang baharu.

Kertas kerja dasar ini mengesyorkan bahawa bagi memastikan pelaporan dana politik yang berkesan, undang-undang yang digubal oleh kerajaan perlu merangkumi elemen-elemen berikut. Pertama, undang-undang tersebut harus mewajibkan sekurang-kurangnya parti politik dan calon pilihan raya untuk menyimpan rekod semua sumbangan secara langsung dan tidak langsung yang diterima daripada individu mahupun entiti sah semasa dan di luar tempoh

kempen pilihan raya. Kedua, undang-undang tersebut harus menjelaskan bentuk pelaporan yang diperlukan, pihak yang bertanggungjawab melaporkan, serta bila dan bagaimana pelaporan tersebut harus dilakukan. Akhir sekali, undang-undang ini harus memastikan laporan kewangan boleh diakses oleh masyarakat awam secara “tersusun, menyeluruh dan tepat pada waktunya dalam tempoh masa yang panjang”, sambil mengimbangi antara keperluan minimum untuk pendedahan dan penghormatan terhadap kebimbangan privasi individu. Seksyen 5 dalam kertas kerja dasar ini memperincikan pelbagai cara untuk memenuhi keperluan ini.

“Kertas kerja dasar ini menjawab kebimbangan yang sekian lama dibangkitkan bahawa ketelusan yang semakin besar boleh mendedahkan penderma dan ahli politik pembangkang kepada risiko pemangsaan. Dengan mengetengahkan contoh antarabangsa mengenai pendedahan dana politik yang meminimumkan risiko sebegini, ia menunjukkan bahawa ketelusan yang direka dengan baik boleh menjadi satu bentuk perlindungan berbanding ancaman. Kertas kerja dasar ini juga menekankan pentingnya kewujudan pengawal selia bebas dan berkemampuan yang sentiasa berinteraksi dengan pihak berkepentingan serta menguatkuasakan peraturan secara adil dan saksama. Saya berharap penerbitan ini dapat menjadi sumber rujukan yang berguna kepada para penggubal dasar dalam membina rangka kerja ketelusan dana politik yang praktikal dan berkesan di Malaysia,” kata Aira Azhari, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

Kertas kerja dasar ini boleh dimuat turun menerusi [laman web IDEAS](#)

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my